

# **Pelantikan baru di KUTKM**

**Archival News | Utusan Malaysia | 19/10/2002**

MELAKA 18 Okt.\_ Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di sini mengumumkan 13 pelantikan baru meliputi dekan, timbalan dekan, ketua jabatan dan ketua unit bagi memantapkan lagi universiti berkenaan.

Pelantikan itu membabitkan satu bagi jawatan dekan dan timbalan dekan manakala dua ketua unit, lapan ketua jabatan dan satu penyelaras.

Dengan pelantikan itu, KUTKM kini mempunyai 411 kakitangan akademik dan bukan akademik. Daripada jumlah itu sembilan daripadanya berjawatan professor.

Rektor KUTKM, Prof. Datuk Dr. Ruddin Ab Ghani berkata, Prof. Dr. Marizan Sulaiman dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik berkuat kuasa 4 September ini hingga 3 September 2005.

Prof. Dr. Mokhtar Mohd Yusof pula dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi berkuatkuasa 1 Ogos lalu hingga 30 Julai 2004 dan Prof. Madya Dr. Hanipah Hussin dilantik sebagai Ketua Unit Ko-Kurikulum berkuat kuasa dari 1 Oktober hingga 30 September 2004.

Turut dilantik ialah Prof. Madya Goh Ong Sing sebagai Ketua Unit Penerbitan berkuat kuasa 1 September lalu hingga 31 Ogos 2004.

Selain itu, KUTKM melantik Juhari Ab Razak sebagai Ketua Jabatan Termal-Bendarir di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal berkuatkuasa 1 Oktober hingga 30 September 2004.

Zamberi Jamaluddin pula dilantik penyelaras Jabatan Pengajian Diploma Fakulti Kejuruteraan Pembuatan manakala Mohd. Rizal Saleh sebagai Ketua Jabatan Sistem dan Proses Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Pelantikan itu berkuatkuasa 15 Julai hingga 14 Julai 2004.

KUTKM turut melantik Maslita Abdul Aziz sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Perisian Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Burairah Husin sebagai Ketua Jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Ahmad Shaarizan Shaarani pula dilantik sebagai Ketua Jabatan Media Interaktif Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Mohd. Fairuz Dimin sebagai Ketua Jabatan Sains dan Matematik di Pusat Perkhidmatan Akademik.

(Source : Utusan Malaysia)